

Accepted	Reviewed	e-Journal Upload
30 JUNE 2022	25 NOV 2022	29 NOV 2022

Strategi Pengajaran Kolokasi Bahasa Arab Berasaskan Teori Lewis: Panduan Kepada Guru

Arabic Collocation Teaching Strategies Based on Lewis Theory: A Guide for Teachers

Amani Nawi¹, Nurkhamimi Zainuddin², Lubna Abd Rahman³

ABSTRAK

Pengajaran kolokasi atau kosa kata bersifat gabungan (multiword) dalam pembelajaran bahasa Arab telah mendapat perhatian ramai pengkaji bahasa dan guru sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hal ini adalah kerana terdapat banyak kajian menunjukkan bahawa penguasaan terhadap fenomena perkataan ini memberi kesan terhadap kecekapan bahasa yang dipelajari khususnya terhadap keupayaan pelajar dalam kemahiran bertutur dan menulis. Walaubagaimanapun, penggunaan kolokasi bahasa Arab yang betul masih menjadi satu cabaran yang besar kepada pelajar, bahkan para guru juga tidak didedahkan dengan teknik dan strategi pengajaran kolokasi secara terperinci dan berkesan. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa strategi pengajaran kolokasi berdasarkan Teori dan prinsip Leksikal Lewis (2000). Pendekatan Leksikal ini sangat unik dan berbeza daripada pendekatan tradisional dalam pengajaran kosa kata kerana meraikan semua ciri perkataan tanpa memerlukan seseorang itu mempunyai pengetahuan tatabahasa sebagai syarat utama dalam menguasai bahasa asing. Terdapat lima strategi utama yang diketengahkan oleh Lewis untuk diadaptasi oleh para guru antaranya seperti: pengajaran secara langsung, penggunaan kamus dan korpus bahasa, memberi pendedahan yang banyak dan berulang dan lain-lain lagi. Kajian ini juga merangkumi beberapa aktiviti cadangan yang boleh diaplikasikan oleh guru bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membina kesedaran leksikal dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: kolokasi; leksikal; Pendekatan Leksikal; Lewis

ABSTRACT

The teaching of collocation or multiword vocabulary in Arabic language learning has attracted much attention from many researchers and language teachers in recent years. This is due to numerous research demonstrating that mastery of this word phenomenon has an impact on the second language proficiency. However, the exact use of Arabic collocation remains a significant barrier for students to the point where it has an indirect impact on their language production ability especially in speaking and writing. Aside from that, teachers are not exposed to the comprehensive and effective collocation teaching techniques and strategies. The purpose of this research is to uncover various collocation teaching techniques based on Lewis's Lexical Theory and principles (2000). This lexical method is quite unique and considerably different from the typical approach in vocabulary teaching because it considers all of the word's qualities without requiring knowledge of grammar as a vital criterion in

¹ Amani Nawi, Phd, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM, amani@usim.edu.my

² Nurkhamimi Zainuddin, Phd, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM, khamimi@usim.edu.my

³ Lubna Abd Rahman, Phd, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM, lubna@usim.edu.my

studying a foreign language. There are five main strategies highlighted by Lewis for teachers to adapt, for examples: deliberate teaching, using dictionary and corpus linguistics, increasing exposure, and many more. This study also provides some suggested exercises that Arabic language teachers can employ in the teaching and learning process to develop lexical awareness among students.

Keywords: *collocation; lexical; Lexical Approach; Lewis*

Pengenalan

Perbincangan mengenai fenomena kolokasi bukanlah perkara baharu dalam bahasa Arab. Malah isu ini menarik perhatian ramai sarjana Islam terdahulu yang telah melakukan usaha untuk menganalisis perkara ini. Para sarjana dan ahli bahasa turut mencatatkan hal ini dalam buku dan karya mereka dalam bidang fiqh bahasa atau ilmu semantik, namun mereka tidak meletakkan istilah tertentu bagi menggambarkan fenomena ini (Abdul Aziz, 1990). Sebahagian daripada sarjana Islam menyebutnya sebagai fenomena *al-Itba'* iaitu 'yang diikuti', sebagaimana Al-Suyuti (n.d) berkata, "Ia adalah perkataan yang digunakan dalam pola atau bentuk yang tertentu". Menurut beliau, pola perkataan ini adalah apa yang digunakan dalam ucapan dan pertuturan seharian orang Arab.

Kolokasi dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Mutalazimat*. Dari segi bahasa ia diambil daripada perkataan *لَزِمَ يَلْزِمُ لَزْمًا وَلُزُومًا* dan isim maf'ulnya *مَلْزُومٌ* yang membawa maksud keperluan dan kewajipan, juga membawa maksud subjek yang perlu atau objek yang wajib. Ia juga membawa makna kestabilan, kekekalan dan keterikatan (Ibn Manzur, 2013). Dalam kamus bahasa Arab kontemporari, *Al-Mutalazimat* merupakan kata Masdar kepada *تَلَازَمٌ، يَتَلَازَمُ، تَلَازُمًا* (Mukhtar Omar, 2008). Ia membawa maksud sesuatu yang mempunyai hubungan yang bersifat kekal antara satu sama lain dari segi penggunaannya (Abu al-Rab, 2017).

Dari segi istilah, terdapat banyak definisi yang diberikan oleh pakar bahasa moden untuk *Al-Mutalazimat* atau kolokasi antaranya: "Dua perkataan atau lebih yang dilihat sebagai unit leksikal tunggal, dan digunakan berdasarkan kebiasaan dalam sesuatu bahasa" (Al-Desouky, 1999). Manakala Hossam El-Din (1985) mendefinisikan kolokasi sebagai "perkataan yang digunakan secara berturutan". Bagi Ghazalah (2007), kolokasi adalah "dua atau lebih perkataan yang digunakan secara tetap dan terikat antara satu sama lain dan adalah tidak tepat untuk menggantikan salah satu daripadanya dengan yang perkataan lain". Bagi Mukhtar Umar (1998) pula, perkataan berkolokasi merupakan "hubungkait yang rapat antara perkataan dengan perkataan lain yang tertentu yang mana hubungan ini ditentukan oleh kebiasaan penggunaannya dalam sesuatu bahasa". Sebagai contoh perkataan "cair" sering digunakan dengan sekumpulan perkataan, seperti: besi, tembaga, perak, dan emas, tetapi ia tidak mengiringi perkataan lain seperti kulit, kertas atau kain.

Selain dari itu Abdul Aziz (1990) mendefinisikan kolokasi sebagai "perkataan yang mengiringi perkataan yang lain". Sebagai contoh dalam bahasa Arab, perkataan *قطيع* digunakan khusus untuk menggambarkan sekumpulan biri-biri iaitu *قطيع من الغنم* "sekawan biri-biri". Perkataan *قطيع* tidak boleh digunakan untuk menggambarkan sekumpulan haiwan yang lain walaupun memberi maksud yang sama. Manakala Halil (1997) mendefinisikan kolokasi sebagai "gabungan leksikal yang terdiri daripada dua atau lebih perkataan yang digunakan secara beriringan dan mempunyai kaitan secara semantik". Bagi Yusra Al Sughair (2006) pula kolokasi merujuk kepada ungkapan semula jadi (*unmark collocation*) dan juga tidak semula jadi (*mark collocation*), yang mana jenis pertama digunakan secara spontan dalam ucapan dan pertuturan, manakala jenis kedua mempunyai ciri-ciri retorik yang biasa digunakan dalam teks sastera dan penulisan kreatif.

Berdasarkan definisi di atas, jelaslah bahawa kolokasi ini merupakan set perkataan yang sering digunakan secara bersama-sama untuk membawa kepada makna yang tertentu.

Sekiranya perkataan ini digabungkan dengan perkataan lain, ia akan memberi maksud yang berbeza atau mungkin tidak membawa apa-apa makna. Selain itu, unsur kebiasaan dan adat penggunaan juga memainkan peranan dalam menentukan fungsi struktur perkataan yang berkolokasi ini dalam pertuturan (Alaa Talaat dan Ahmed Aref, 2015). Dalam bahasa Arab, perkataan yang berkolokasi atau *al-Mutalizimat* haruslah digunakan dalam situasi yang betul dan tepat bukan sahaja daripada sudut leksikal, bahkan dari segi tatabahasa dan semantik.

Walaupun fenomena kolokasi semakin mendapat perhatian ramai pengkaji dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa asing secara am dan bahasa Arab khususnya, namun kaedah pengajaran perkataan ini di dalam bilik darjah masih banyak yang tidak jelas dan kabur. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi memberi gambaran jelas tentang strategi-strategi pengajaran kolokasi yang mungkin boleh diterokai dan diadaptasi oleh para guru yang ingin memberikan pendedahan kepada pelajar tentang perkataan ini di dalam aktiviti pengajaran kosa kata bahasa Arab. Kajian ini boleh dijadikan panduan oleh pendidik dan guru bahasa Arab yang ingin melakukan pembaharuan dalam teknik pengajaran kosa kata bahasa Arab yang mana pendedahan kepada kolokasi akan lebih membantu pelajar mereka mengekalkan pengetahuan kosa kata yang sedia ada dalam ingatan jangka masa panjang.

Permasalahan Kajian

Kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua sering dikaitkan dengan penguasaan kosa kata yang lemah dan tidak mencukupi. Hal ini menyebabkan pelajar menghadapi kekangan dalam menyatakan idea dan perasaan mereka dalam bahasa yang dipelajari. Menurut Abdullah dan Mahmoed Ali (2012) kecekapan pelajar dalam empat kemahiran utama iaitu mendengar, membaca, menulis dan bertutur sangat bergantung kepada kekayaan perbendaharaan kata yang dimiliki oleh seseorang pelajar. Ia merangkumi jumlah kosa kata, makna perkataan, bentuk perkataan, cara ia digunakan dan juga hubungannya dengan perkataan yang lain sama ada dari segi kolokasi, sinonim, antonim dan polisemi.

Walaupun banyak kajian telah dijalankan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab khususnya di Malaysia, namun isu pemerolehan kosa kata dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Malaysia masih mendapat perhatian ramai penyelidik. Antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh para pelajar adalah tidak memahami makna kosa kata dengan sebaiknya dan tidak boleh mengaplikasikannya dalam kemahiran bahasa yang berbeza (Rosni Samah, 2012; Harun Baharudin, 2014). Hal yang sama juga dibuktikan oleh beberapa kajian lain seperti kajian yang dijalankan oleh Saifuddin (2002), Rahim Ramly (2009) dan Abdul Razif (2015) yang mendapati bahawa pelajar bahasa Arab di Malaysia belum mencapai tahap penguasaan kosa kata seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu pelajar harus mengetahui dan boleh menggunakan dengan betul sekurang-kurangnya 2000 perkataan di peringkat sekolah rendah, manakala lebih 3000 perkataan di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati bahawa pelajar di peringkat sarjana muda hanya menyerap kira-kira 700 perkataan sahaja. Hal ini menunjukkan tahap pelajar bahasa Arab dalam pengetahuan dan penguasaan kosa kata masih terlalu jauh daripada objektif yang telah digariskan dalam kurikulum pendidikan bahasa Arab.

Menurut Abdul Halim & Che Radziah (2007), isu pemerolehan kosa kata bahasa Arab yang lemah dalam kalangan pelajar sangat berkait rapat dengan fenomena kolokasi yang mana perkataan yang berkolokasi ini jarang diberi perhatian oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab walaupun pada hakikatnya fenomena ini sangat penting dalam menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Hal ini dibuktikan oleh kajian analisis kesalahan leksikal yang dijalankan oleh Che Radiah (2006) dan kajian Haslina (2011) yang mendapati pelajar bahasa Arab di Malaysia sering melakukan kesilapan pada penggunaan preposisi atau kata sendi nama yang melibatkan huruf *al-jar* dan mengabaikannya dalam membina ayat.

Menurut kajian ini, kesilapan ini berlaku apabila melibatkan penggunaan kata kerja dan kata sendi nama dalam konteks ayat yang berbeza.

Malah, kajian yang dilakukan oleh Habibah (2016) dan Azlan, Ashwaq dan Norhidayah (2017) turut mendapati bahawa antara kesukaran para pelajar dalam membina ayat dan menulis karangan dalam bahasa Arab adalah berpunca daripada pemilihan kosa kata yang tidak sesuai dan kurang tepat untuk menyatakan idea mereka berdasarkan konteks yang diinginkan. Sementara itu, Nadwah & Nadhilah (2014) dalam kajian mereka turut mendedahkan hal yang sama iaitu kebanyakan pelajar di peringkat universiti tidak dapat mempraktikkan kemahiran bertutur kerana kefahaman mereka yang lemah terhadap perbendaharaan kata baharu terutamanya dalam penggunaan kata yang berbentuk polisemi. Dalam hal ini, Kun-huei (2015) mengakui bahawa fenomena kolokasi merupakan salah satu cabang bahasa yang menjadi cabaran kepada pelajar bahasa asing untuk mempelajari dan memahaminya. Antara sebab ini berlaku adalah kerana sumber dan maklumat mengenai perkataan yang berkolokasi ini sukar didapati di dalam kamus monolingual atau dwi bahasa.

Kesimpulannya, faktor utama yang membawa kepada ketidakcekapan pelajar dalam mempraktikkan empat kemahiran utama bahasa Arab adalah bermula daripada kekurangan pengetahuan dan kesedaran dalam isu penggunaan leksikal khususnya kolokasi, yang merupakan isu yang perlu diberi perhatian oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Hill (2000) menjelaskan bahawa “ramai pelajar mempunyai idea yang banyak ketika menulis, namun mereka tidak dapat melakukan yang terbaik semasa peperiksaan kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang beberapa kolokasi penting mengenai tajuk yang mereka sedang tulis yang menyebabkan mereka tidak dapat menyatakan apa yang mereka inginkan”. Malah, teknik pengajaran bahasa Arab secara terjemahan perkata memburukkan lagi keadaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan memberi pendedahan kepada guru-guru yang mengajar bahasa Arab di Malaysia tentang peranan kolokasi dan kepentingan memberikan kesedaran tentang isu ini melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran Kolokasi Arab

Penguasaan kolokasi merupakan salah satu keperluan yang amat penting dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia dan ia dapat diperolehi melalui dua pendekatan utama iaitu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memandangkan pelajar bukanlah penutur jati bahasa tersebut. Taimah (1989) menegaskan bahawa kemampuan seseorang menguasai perkataan diukur berdasarkan keupayaannya menggunakan perkataan yang sesuai dan meletakkannya di tempat yang betul.

Penguasaan kolokasi ialah keupayaan menggunakan pelbagai pengelompokan leksikal yang tepat dan sesuai merupakan suatu kebarangkalian yang paling jelas untuk membezakan antara pelajar cemerlang dan pelajar sederhana Thornbury (2000). Lewis (2000) turut melihat gabungan penguasaan perbendaharaan kata dan pengetahuan nahu belum mencukupi syarat menguasai sesuatu bahasa melainkan menggunakannya dalam ruang lingkup kolokasi. Oleh itu, beliau berpendapat penguasaan kolokasi adalah salah satu aspek penting dalam penguasaan bahasa.

Pembelajaran kolokasi bahasa Arab pada peringkat sekolah di Malaysia diajar dengan dua cara iaitu secara eksplisit dan juga implisit (Nurul Husna & Harun, 2016). Pengajaran secara eksplisit atau secara langsung dilakukan dengan menjadikan kolokasi sebagai sebahagian daripada tajuk-tajuk pembelajaran bahasa Arab, contohnya: Kolokasi Kata Nama + Kata Adjektif yang diletakkan di bawah tajuk kata sifat (الصفة والموصوف). Walaubagaimanapun, istilah kolokasi tidak diperkenalkan secara terus dan jelas kepada pelajar. Pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik mendapati bahawa perkataan yang berkolokasi ini diajar di bawah tajuk tatabahasa, bukan kosa kata berfokus. Hal ini memberi implikasi

kepada kaedah pengajaran yang mana guru lebih cenderung membincangkan set perkataan ini dari sudut sintaksis dan morfologinya berbanding hubungan antara perkataan yang membentuk struktur ungkapan tersebut, bahkan yang lebih penting adalah perbezaan dari segi makna apabila perkataan berkolokasi ini berada di dalam konteks.

Teori Leksikal Lewis

Teori Leksikal dalam pembelajaran kosa kata bahasa kedua telah diperkenalkan oleh Micheal Lewis (1933) dalam bukunya yang bertajuk “*The lexical approach*”. Lewis melihat bahasa sebagai satu binaan yang daripada beberapa unit leksikal yang pelbagai. Dia beranggapan bahawa dalam pembelajaran bahasa kedua, leksis merupakan asas kepada bahasa yang dipandu oleh sintaksis dan medan semantik, bukan sebaliknya (Masoud Hashemi et al., 2012; Mark Graham, 2014). Seorang murid akan memahami makna sesuatu perkataan dengan melihat kepada hubungannya dengan perkataan yang lain. Teori Leksikal Lewis digunakan dalam pembelajaran bahasa kedua bagi membangunkan kemahiran dan penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata yang berbentuk gabungan atau “*multi-word*” termasuklah kolokasi.

Teori Leksikal bukan hanya memfokuskan pembelajaran kosa kata yang bersifat tunggal, malah ia merangkumi gabungan perkataan yang membentuk makna yang difahami dan juga ungkapan yang digunapakai oleh penutur jati secara meluas (Seham, 2012). Apabila seseorang pelajar boleh menggabungkan kosa kata tunggal ini dengan betul, ia akan menghasilkan teks atau ucapan yang bermakna. Sehubungan dengan itu, pendekatan Leksikal Lewis menekankan aspek ‘pengelompokan’ dan ‘hubungkait’ yang bermakna antara perkataan. Michael Lewis menyusun taksonomi leksis kepada beberapa peringkat iaitu: 1) Kosa kata tunggal, 2) Kolokasi, 3) Ungkapan terhad (*Polywords*), 4) Penanda Wacana (*Sentences frames and heads*) dan 5) Ungkapan separa terhad (*Semi-fixed expressions*).

Kosa kata tunggal tidak akan membawa apa-apa makna sekiranya tidak diletakkan di dalam konteks ayat yang menggabungkannya dengan perkataan yang lain. Oleh yang demikian itu, menurut Amelia Torres (2012), kaedah pendekatan leksikal Lewis sangat istimewa sekiranya dibandingkan dengan kaedah tradisional pengajaran bahasa kedua, kerana meletakkan kepentingan bidang leksikal dan tatabahasa pada tahap yang sama. Malah, pengajaran bahasa kedua yang menggadaptasi pendekatan leksikal dianggap sebagai pelengkap kepada kaedah pengajaran tatabahasa (nahu) dan terjemahan. Penguasaan pelajar terhadap leksikal sesuatu bahasa akan menyumbang kepada kecekapan kemahiran komunikasi dan penulisan, yang bebas daripada kesilapan dan kejanggalan dalam penggunaan perkataan (Al-Anati, 2010).

Selain itu, Schmitt (2000) dan Moudrai (2001) turut memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan Teori Leksikal yang diasaskan oleh Lewis apabila hasil kajian mereka membuktikan bahawa apabila otak manusia menerima perkataan secara ‘gabungan’ dan mempunyai ‘hubungkait’, mereka akan menyimpannya sebagai unit leksikal yang tetap. Malah, otak manusia boleh menyimpan sejumlah besar maklumat dalam ingatan jangka panjang, berbeza dengan ingatan jangka pendek yang hanya menyimpan maklumat dalam jangka masa yang terhad. Ini bermakna, otak manusia lebih mudah mengingati dan mendapatkan semula perkataan yang dipersembahkan secara ‘gabungan’ atau dalam bentuk kolokasi (Amelia Torres, 2012; Uraidah, 2014). Fenomena ini tidak terjadi apabila pelajar mempelajari kosa kata secara tunggal dan berasingan, ia hanya disimpan di dalam ingatan jangka pendek dan lebih mudah hilang daripada ingatan pelajar. Dalam hal ini, Lewis (2000) turut mengakui bahawa frasa pendek lebih mudah dihafal dan disimpan dalam ingatan pelajar berbanding perkataan tunggal.

Teori ini tidak terlepas daripada mendapat kritikan para pengkaji dan pakar bahasa yang berpendapat bahawa teori pembelajaran ini tidak mempunyai prinsip pengajaran yang jelas, kaedah pelaksanaan yang sistematik serta bukti penilaian yang kukuh. Manakala Boers &

Lindstromberg (2009) berpendapat bahawa proses pengajaran kosa kata menggunakan pendekatan ini mengambil banyak masa, kerana sukar bagi seorang guru untuk menentukan perkataan yang berkolokasi dalam teks dan memilih frasa leksikal yang sesuai dengan pelajar bahasa kedua. Dari sudut yang lain, Thornbury (1998) yang merupakan penyokong Teori Konteks berpendapat bahawa pembelajaran frasa leksikal atau kolokasi semata-mata tanpa memberi perhatian yang sewajarnya kepada sintaksis dan semantik ayat akan menyebabkan pelajar melakukan kesilapan tatabahasa semasa menggunakan frasa tersebut, walaupun mereka mengingati banyak perkataan yang berkolokasi.

Sehubungan dengan itu, Firth (1968) yang merupakan pengasas Teori Konteks meletakkan satu garis pemisah di antara bidang leksikal dan semantik. Menurut beliau pengetahuan leksikal perlu diajar secara berasingan tanpa mengira hubungan tatabahasa (Małgorzata, 2004; Abdel-Fattah, 2007). Pandangan sarjana barat ini selari dengan apa yang dinukilkan oleh Abu al-Faraj yang berpandangan bahawa kolokasi hanyalah merupakan salah satu cara memahami makna leksikal tanpa mengambil kira peraturan tatabahasa, manakala tatabahasa berfungsi menentukan jenis perkataan berpandukan konteks ayat untuk memahami keseluruhan teks (Abdul-Fattah, 2007). Malah bahasa Arab mempunyai ciri tatabahasa yang tersendiri dan berbeza dengan bahasa lain dalam konsep kolokasi (Zainur Rijal & Mahmoud Mohamad Ali, 2014).

Kepentingan teori leksikal dalam menguasai perkataan yang berkolokasi ini mendapat perhatian ramai penyelidik dan pakar bahasa Arab. Hal ini membawa kepada lahirnya kepelbagaian teori dan konsep leksikal dalam bidang bahasa Arab antaranya; Teori Semantik (*Nazhariyat al-haqlu al-dilali*), Pendekatan Leksikal (*al-muqarabat al-ma'jamiyyah*), Entri Leksikal (*al-madkhal al-ma'jami*), Teori Fungsi Leksikal atau Makna Teks (*Nazhariyat al-wazifah al-ma'jamiyyah*) dan pelbagai lagi teori yang bertunjangkan misi dan objektif yang sama (Al-Anati, 2010; Seham, 2012, Antar Solhy, 2014).

Sebagai kesimpulan, Teori Leksikal yang diperkenalkan oleh Lewis memberi pengaruh yang besar kepada amalan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Ia memainkan peranan yang penting dalam membina pengetahuan leksikal dalam minda pelajar. Membudayakan pengajaran kosa kata bahasa Arab berasaskan Teori Leksikal meningkatkan kesedaran pelajar tentang hubungan antara perkataan yang membentuk unit semantik atau ungkapan yang bermakna. Pengajaran kosa kata menggunakan pendekatan leksikal bukan bererti mengabaikan tatabahasa, sebaliknya mendorong pelajar mengetahui unit-unit asas linguistik dan set ungkapan yang membentuk sesuatu bahasa. Dalam hal ini, Lewis juga percaya bahawa bahasa terdiri daripada beberapa set unit leksikal yang membentuk struktur bahasa.

Prinsip Pengajaran Kolokasi Menggunakan Pendekatan Leksikal

Pendekatan Leksikal yang diperkenalkan oleh Lewis (2002) semakin diterima pakai dalam amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing sebagai alternatif kepada pendekatan traditional yang lebih menumpukan kepada tatabahasa dan terjemahan. Prinsip asas dalam pendekatan leksikal adalah mengajar kosa kata dengan meletakkannya di dalam ayat atau konteks bagi membantu pelajar memahami makna dengan lebih tepat. Peranan konteks dalam memahami makna perkataan yang berkolokasi merupakan elemen penting dalam Teori Leksikal. Tanpa konteks, sesuatu makna boleh disalah tafsir atau tidak difahami maksud yang disampaikan oleh seseorang (Uraidah & Lily, 2021).

Walaupun Lewis (2000) tidak menerangkan secara terperinci berkenaan garis panduan pengajaran kosa kata berkolokasi dalam bukunya "*Implementing the Lexical Approach*" untuk diaplikasi dalam empat kemahiran asas bahasa, namun beliau telah menggariskan beberapa prinsip utama bagi membantu para pendidik yang ingin melaksanakan pengajaran kosa kata dalam bilik darjah menggunakan pendekatan ini. Prinsip yang diketengahkan oleh Lewis ini

adalah bersifat praktikal dan boleh diaplikasikan secara tidak langsung melalui mata pelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa seperti berikut:

1. Menggunakan kaedah pengelompokan (*chunk*) dari segi sebutan, intonasi, dan bacaan.
2. Mengajar kosa kata bersama dengan beberapa perkataan lain yang mengiringinya secara tetap.
3. Tumpuan awal harus diberikan kepada kemahiran menerima (*receptive skills*) iaitu mendedahkan sebanyak mungkin perkataan yang berkolokasi kepada pelajar melalui kemahiran mendengar.
4. Melaksanakan strategi pemerhatian (*noticing*), menyusun (*sorting*), mencatat (*recording*) dan mengguna semula perkataan dalam aktiviti pengajaran.
5. Tidak boleh mengabaikan peranan tatabahasa dalam pengajaran kolokasi tetapi harus dilakukan secara seiring.
6. Menyediakan aktiviti dan latihan yang menggalakkan kesedaran leksikal pelajar bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan terhadap fenomena ini.
7. Menyediakan aktiviti dan latihan yang menggesa pelajar untuk memerhati dan melakukan pengecaman terhadap perkataan yang berkolokasi seterusnya memahami perbezaan maknanya dan bukan menterjemah kosa kata secara tunggal dan berasingan.
8. Mengajar kosa kata yang berkolokasi melalui ayat yang pelbagai agar pelajar boleh melihat persamaan, perbezaan dan juga limitasi penggunaan yang menggalakkan proses pemindahan pengetahuan daripada menerima, kemudian memahami dan seterusnya membina kecekapan penggunaan.
9. Mengadaptasi beberapa teknik pengajaran bagi memudahkan proses pembelajaran seperti menggunakan jadual kolokasi (*collocation table*), pokok perkataan atau taksonomi perkataan (*word tree*) dan pemetaan semantik (*semantic mapping*).
10. Pengajaran kosa kata berkolokasi harus dimulakan dengan perkataan yang sudah diketahui oleh pelajar kemudian dikembangkan yang mana perkataan baru akan diajar secara tidak langsung menggunakan pendekatan leksikal.

Berpandukan prinsip-prinsip yang telah diberikan oleh Lewis, dapat disimpulkan bahawa pengajaran kosa kata menggunakan pendekatan leksikal adalah alternatif yang sangat baik bagi menggantikan kaedah tatabahasa dan terjemahan yang berpaksikan pembentangan (*present*), latihan (*practise*) dan penghasilan (*produce*). Guru memberikan syarahan, kemudian pelajar melakukan latihan dan penghasilan mengikut skop dan limitasi dan ditentukan oleh guru. Kaedah ini sudah sekian lama berakar umbi dalam amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab namun tidak memberikan hasil yang berbeza.

Sebaliknya, pendekatan leksikal membimbing para pendidik melaksanakan pengajaran melalui penemuan yang dilakukan sendiri oleh pelajar melalui tiga proses iaitu pemerhatian (*Observe*), hipotesis (*Hypothesis*), dan Uji kaji (*Experiment*). Pemerhatian bermaksud guru memberikan pendedahan sebanyak mungkin perkataan kolokasi kepada pelajar melalui latihan bagi meningkatkan kesedaran leksikal. Melalui proses ini pelajar digesa untuk memerhati ciri-ciri dan bentuk leksikal yang pelbagai. Manakala Hipotesis bermaksud meminta pelajar melakukan pengelompokan atau menyusun perkataan yang berkolokasi mengikut kategori tertentu bagi membantu pelajar melihat hubungan antara perkataan tersebut dari segi persamaan dan perbezaan. Seterusnya yang terakhir adalah Uji kaji yang mana ia merujuk kepada proses menggunakan perkataan yang sudah dipelajari tersebut di dalam konteks yang betul berdasarkan kefahaman pelajar terhadap makna.

Strategi Pengajaran Kolokasi Berdasarkan Teori Lewis

Tidak dinafikan bahawa pemilihan strategi dan teknik yang bersesuaian dan berkesan juga perlu diberi perhatian yang serius dalam pembelajaran kolokasi bahasa Arab. Hal ini adalah

kerana pengajaran kolokasi bukanlah perkara mudah, ia memerlukan strategi pengajaran yang sesuai dan usaha yang berterusan oleh para pendidik. Selain daripada prinsip pengajaran yang dibincangkan sebelum ini, Lewis (2000) juga mencadangkan beberapa strategi pengajaran kolokasi bagi tujuan meningkatkan daya ingatan pelajar dengan lebih baik.

Menurut MacCarten (2007), selain daripada bahan pengajaran yang berkualiti, penerapan strategi dan kaedah pengajaran yang pelbagai dalam pengajaran kolokasi dapat membantu pelajar berfikir secara kreatif dan sendiri di luar bilik darjah. Antara strategi pengajaran kolokasi adalah seperti berikut:

Pengajaran langsung

Pelajar tidak dapat memperoleh ilmu berkaitan kolokasi dengan sendirinya, malah perlu mempelajarinya secara langsung dengan guru (Shaoqun Wu, 2010). Strategi pengajaran langsung bermaksud guru menyampaikan ilmu berkaitan bahasa kepada pelajar secara terarah melalui pelbagai situasi dan aktiviti bahasa. Oleh sebab itu, Lewis (2000) memfokuskan pendekatannya pada peringkat awal kepada kaedah pemerhatian dan pembinaan leksikal semasa proses pengajaran kolokasi di dalam kelas. Menurutnya, guru perlu meluangkan sebahagian masa di dalam kelas untuk memberi tumpuan kepada kolokasi dan kosa kata. Ini dapat dilakukan dengan mengulangi beberapa kosa kata asas yang sudah diketahui oleh pelajar untuk mengembangkan pengetahuan mereka.

Hill (2000) juga menggesa guru agar memperkenalkan kolokasi yang paling kerap digunakan semasa mengajar kosa kata baharu. Contohnya: apabila anda mengajar perkataan "cuaca", anda harus memaparkan perkataan yang sering digunakan Bersama dengan perkataan tersebut, seperti: cuaca yang indah, cuaca yang baik, cuaca yang mendung, cuaca yang sejuk, cuaca yang panas. Hal ini adalah bagi mengelakkan pelajar melakukan kesilapan dalam menggunakan kosa kata yang dipelajari mengikut situasi yang dikehendaki.

Banyakkan pendedahan, catatan dan pengulangan

Mencatat atau membuat nota ialah salah satu strategi pengajaran yang biasa digunakan oleh kebanyakan guru bahasa asing. Mereka akan meminta pelajar menulis perkataan baharu dan penting di dalam buku nota. Dalam hal ini, Conzett (2000) menasihati guru agar memastikan pelajar mengumpulkan kolokasi yang paling kerap digunakan yang mereka temui dalam teks dan perbualan harian, seterusnya cuba menyusunnya dengan teliti berdasarkan bidang berikut:

1. Susunan tatabahasa, seperti: kata kerja + kata nama, kata kerja + preposisi + kata nama, dan sebagainya.
2. Susunan mengikut penggunaan perkataan popular seperti: *يجب على، الاهتمام ب، رغب في أو اعن وما إلى ذلك.*
3. Susunan mengikut topik, seperti: percutian, pekerjaan, temu duga, berkelah dan topik lain yang berkaitan dengan kehidupan pelajar

Dalam pada itu, pelajar juga perlu menyemak makna kolokasi dan menulis beberapa contoh penggunaannya yang betul dengan merujuk kamus atau sumber lain (Conzett, 2000). Kebanyakan pengkaji bersetuju supaya pendedahan terhadap pelbagai jenis struktur leksikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran dipertingkatkan, bagi membolehkan pelajar mengingat dan menghafal bentuk kolokasi dengan lebih baik (Dongmei & Peter, 2013; Boers & Lindstromberg, 2009; Siyanova & Schmitt, 2008).

Sejajar dengan ini, Lewis (2000) mencadangkan agar strategi kitar semula (*recycle*) atau pengulangan diguna pakai untuk membantu pelajar mengingat kolokasi untuk jangka masa panjang. Hal ini turut disokong oleh Thornbury (2002), Mounya (2010), dan Mark Donnellan (2014) yang menyatakan bahawa kecekapan leksikal pelajar boleh dibina dengan cara mendedahkan kolokasi secara berterusan, meningkatkan kesedaran pelajar tentang

kepentingannya, seterusnya menggalakkan pelajar menghafalnya. Strategi ini boleh dilakukan di dalam atau di luar kelas dengan memperluaskan skop bacaan dalam bahasa sasaran. Strategi ini juga boleh diaplikasi dengan mengulangi aktiviti pengajaran berkaitan kolokasi yang telah dipelajari oleh pelajar (Shaoqun Wu, 2010).

Menggunakan kamus dan korpus linguistic

Kamus sememangnya telah menjadi sumber pembelajaran kosa kata yang paling penting untuk pelajar bahasa asing dalam mencari makna perkataan baharu. Hill et.al (2000) mencadangkan beberapa aktiviti pengajaran kolokasi melalui kamus, seperti: mengekstrak kolokasi yang digunakan dalam tajuk tertentu, meninjau contoh, mencari kata yang mempunyai makna yang hampir sama, menterjemahkannya, memberi padanan antara gandingan dua kata, mengklasifikasi kolokasi berdasarkan struktur tatabahasa dan sebagainya. Di samping itu, kajian-kajian lepas menunjukkan keberkesanan penggunaan korpus tekstual atau linguistik dalam pembelajaran kolokasi sejak ia mula berkembang beberapa tahun kebelakangan ini, kerana ia memberi gambaran yang jelas tentang kolokasi yang terdapat dalam pelbagai teks menerusi maklumat statistik yang tepat (Tun-pei & Hsien-Chin, 2005; Nesselhauf, 2005; Chen, J., 2011; Farrokh, 2012; Chatpunnarangsee, 2013).

Manakala melalui korpus bahasa, pelajar dapat mengenal pasti contoh untuk menghasilkan ayat menggunakan kosa kata sedia ada dan dapat mengesan kaitannya dengan perkataan atau struktur ayat tertentu yang lain dengan sendirinya. Walau bagaimanapun, penggunaan korpus seumpama ini mungkin tidak sesuai untuk pelajar di peringkat sekolah rendah kerana keberkesanan aplikasinya dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pengetahuan pelajar tentang perkataan lain dalam konteks, kebolehan tatabahasa dan kecekapan linguistiknya mungkin menjejaskan keupayaannya untuk memahami maksud kolokasi dalam teks. Faktor-faktor ini juga ada kalanya menyebabkan pelajar gagal untuk cuba menggunakan korpus tersebut dalam pembelajaran kolokasi, selain kurang memahami dengan tepat tentang fungsi dan penggunaannya dengan baik.

Mengadaptasi strategi pembelajaran kosa kata

Strategi pembelajaran kosa kata adalah penting untuk membantu pelajar menyusun semua kosa kata yang telah dipelajari serta mempraktikkan pembelajaran secara berkesan dan sendiri di luar bilik darjah (Takac, 2008). Sehubungan itu, adalah amat penting untuk para pendidik menyelidik terlebih dahulu strategi yang sering digunakan oleh pelajar dalam mempelajari kosa kata baharu. Ini bertujuan untuk memperkasakan proses pembelajaran bahasa dan membimbing guru serta pelaksana program bahasa agar memilih cara yang sesuai untuk melatih pelajar menggunakan strategi ini secara berkesan (Abdullah al-Hasheemi dan Mahmood Ali, 2012). Mehta (2009) berpendapat bahawa guru harus kreatif dalam membangunkan aktiviti pengajaran dan latihan kosa kata yang boleh membantu pelajar mengembangkan pencapaian bahasa dan mengatasi kesukaran dalam pemerolehan bahasa. Antara strategi pembelajaran kosa kata yang boleh digunakan dalam pengajaran kolokasi, ialah peta minda, permainan bahasa, penggunaan kamus sama ada bercetak atau elektronik, membuat nota, latihan tubi, membuat aktiviti pengulangan, pembelajaran koperatif, dan banyak lagi.

Walaupun strategi pembelajaran kosa kata adalah kompleks kerana melibatkan pelbagai langkah (Nation, 2001), ia memberi peluang kepada pelajar untuk memilih cara mereka sendiri dalam mempelajari perkataan dan pelbagai bentuk kolokasi bagi menjadikan proses pembelajaran mereka berhasil, berfokus dan menyeronokkan.

Menyediakan kepelbagaian sumber dan medium pengajaran

Dalam menjayakan proses pengajaran kolokasi kepada penutur bukan bahasa Arab, guru perlu menyediakan pelbagai bahan dan aktiviti pengajaran yang terancang dan terarah, bagi mengembangkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pelajar. Brian (2001) menyebut beberapa prinsip untuk menghasilkan bahan pengajaran yang berkualiti, iaitu: bahan tersebut harus mampu memberikan hasil atau kesan yang diinginkan. Guru boleh mencapai perkara ini dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan cara penyampaian kosa kata kepada pelajar dengan mengambil kira gaya pembelajaran pelajar yang berbeza, dan penggunaan multimedia dan teknologi moden (MacCarten, 2007). Ferit & Jaroslaw (2010), turut menegaskan bahawa gabungan bahan pengajaran seperti: analisis korpus linguistik, kad imbas kosa kata, kuiz dalam talian, serta perbincangan secara kolaboratif adalah antara kaedah paling berkesan bagi memotivasi pelajar untuk memperoleh kosa kata yang sukar.

Sehubungan itu, MacCarten (2007) mengingatkan bahawa penyediaan aktiviti pengajaran kolokasi yang menggunakan medium tersebut sebagai alat pembelajaran mestilah dipelbagaikan dan dilakukan secara beransur-ansur kerana melibatkan tahap pembelajaran yang berbeza. Dalam pada itu, skop pengajaran kolokasi sangat luas, dan guru boleh menentukan skop kolokasi yang ingin diajarnya, seperti pengajaran struktur leksikal berkaitan warna, pelancongan, budaya, dan lain-lain yang sentiasa ada perkataan khusus dan berkolokasi. Hill (2000) juga menyarankan agar guru mengajar kolokasi mengikut kaedah tatabahasa untuk menarik perhatian pelajar.

Panduan Pemilihan Kolokasi Arab Bagi Tujuan Pengajaran Dan Pembelajaran

Kecekapan leksikal merupakan perkara penting dalam penguasaan bahasa asing. Kecekapan leksikal bermaksud pelajar memperoleh kosa kata yang mencukupi, memahami maksudnya serta hubungannya dengan perkataan lain, dalam masa yang sama turut mengetahui cara menggunakan perkataan tersebut dengan betul (Al-Anati, 2010). Walau bagaimanapun, ramai pengkaji menghadapi cabaran besar dalam menentukan kosa kata atau kolokasi yang sesuai untuk diajar kepada pelajar bukan penutur jati Arab. Hal ini disebabkan bahasa Arab adalah bahasa yang sarat dengan perbendaharaan kata yang luas dan mencakupi pelbagai aspek.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan penyelidik menggunakan senarai perkataan yang disusun oleh pakar bahasa berdasarkan prinsip kekerapan (*Word Frequency List*). Antara senarai kosa kata dalam bahasa Arab yang lazim digunakan ialah senarai kosa kata Al-Aqil (1952), senarai Kathir (1955), senarai Landau (1959), senarai Riyadh (1979), senarai Makkah (1981) dan lain-lain lagi (Abdul Razif Zaini, 2015). Senarai ini memainkan peranan utama dalam membantu pendidik menyediakan bahan dan silibus pengajaran untuk penutur jati bahasa Arab dan bukan Arab. Para penyelidik yang menjalankan kajian bahasa berkaitan bidang pengajaran kosa kata turut mendapat manfaat daripada senarai-senarai tersebut.

Untuk memilih kolokasi yang ingin diajar kepada pelajar bahasa kedua, ramai pengkaji seperti: Channell (1981), Yong Wei (1999), Ellis (2001), dan Bybee & McClelland (2005) merujuk kepada pemilihan berasaskan kekerapan (*frequency-based selection*) iaitu bermula dengan memilih kolokasi daripada kosa kata yang paling kerap digunakan. Hal ini adalah kerana penggunaan perkataan secara berulang-ulang akan meningkatkan kefasihan dan integrasi pengetahuan (Bybee & McClelland, 2005). Dalam pada itu, Nation (2001) mencadangkan agar memilih kolokasi yang ingin diajar berdasarkan kekerapan dan julat penggunaannya, di samping mengambil kira kebiasaan atau kelazimannya, kepentingannya (Nation & Waring, 1997), tahap pelajar (Nadja & Cornelia, 2002), keperluan, kebolegunaan, daya keberhasilan, konteks semasa dan memudahkan (Shaoqun Wu, 2010). Bagi Lewis pula, beliau mengesyorkan agar memilih kolokasi yang selalu diguna pakai dalam bahasa sasaran, dengan mengambil kira prinsip lain seperti kesesuaian, tahap pelajar, dan jenis kursus atau program. Beliau menyatakan bahawa bergantung kepada prinsip kekerapan sahaja tidak

memadai dalam memilih kolokasi. Kuat atau lemahnya hubungan antara perkataan juga tidak boleh dipandang remeh.

Yong Wei (1999) mengulas perkara ini dengan mengatakan bahawa guru harus menjadikan prinsip kekerapan sebagai panduan untuk memilih bahan pengajaran kolokasi kerana kosa kata biasa mungkin menjadi kekangan untuk digunakan oleh pelajar. Menguasai sebanyak mungkin kolokasi bukanlah syarat utama, tetapi yang paling penting ialah menumpukan perhatian dalam membina kefahaman dan meningkatkan pengetahuan pelajar tentang fungsi kolokasi serta mengembangkan kecekapan leksikal di luar bilik darjah. Oleh itu, Lewis tidak meletakkan fokusnya pada kekerapan dan saiz perkataan dalam isu pengajaran kolokasi, tetapi lebih memfokuskan kaedah pengajaran berasaskan fungsi atau praktikal. Oleh yang demikian, memperluas pengetahuan pelajar tentang kosa kata asas di tambah dengan kosa kata baharu ialah kaedah pemilihan yang terbaik (Hill, 2000).

Menurut Banu Tekingül (2012) pula, mengajar beberapa perkataan yang sama lebih berkesan berbanding dengan mengajar beberapa perkataan baru yang berbeza. Selain itu, pemerolehan pengetahuan baharu adalah lebih berkesan jika kolokasi diambil daripada kosa kata yang pernah dipelajari oleh pelajar sebelum itu (Ausubel, Novak & Hanesian, 1968; Smith, 1975). Guru tidak boleh mengajar kosa kata tanpa memberi gandingan perkataan yang paling biasa digunakan (Hill, 2000). Untuk tujuan ini, Hill (2000) menyarankan kepada guru untuk mengajar perkataan yang berkolokasi secara sederhana (*medium-strength collocation*) dan mengelak daripada memperkenalkan kolokasi yang mempunyai hubungan yang terlalu kuat atau sangat lemah kepada pelajar pada peringkat pertengahan dan ke atas. Beliau mengatakan bahawa pengajaran perbendaharaan kata pada pelajar peringkat ini perlu membangunkan kecekapan atau keupayaan leksikal pelajar melalui kosa kata sedia ada yang tersimpan dalam fikirannya.

Selain itu, guru juga boleh membimbing pelajar untuk memperoleh kolokasi melalui pembacaan bebas. Dari sudut yang lain, terdapat banyak kajian menunjukkan bahawa pengajaran kolokasi secara langsung (eksplisit) memberi kesan positif terhadap proses pemerolehan kosa kata berbanding mengajarnya secara tidak langsung (implisit) (Yong Wei, 1999; Lien, 2003; Hsu, J & Hsu, L, 2007; Hsu, 2010; Webb & Kagimoto, 2010).

Berdasarkan kupasan di atas, guru haruslah memilih kolokasi untuk diajar secara tepat dan bersesuaian dengan tahap pelajar agar dapat memenuhi keperluan bahasa mereka dan dilakukan secara beransur-ansur. Kolokasi juga perlu dipelajari dalam konteks yang mudah difahami oleh pelajar kerana objektif utama pengajaran kolokasi adalah untuk membantu pelajar memahami fungsi kolokasi serta dapat menggunakannya dalam situasi yang sesuai. Penyelidik berpendapat bahawa konsep teori leksikal adalah asas utama untuk membangunkan aktiviti pengajaran kosa kata untuk pelajar bahasa asing.

Kesimpulan

Kepelbagaian strategi pengajaran di dalam bilik darjah sangat penting untuk digunakan oleh pendidik. Hal ini adalah kerana pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dalam menerima dan memproses maklumat. Sehubungan dengan itu, strategi pengajaran kosa kata berkolokasi yang dicadangkan oleh Lewis melalui pendekatan leksikal wajar diberi perhatian dalam usaha meningkatkan kecekapan kosa kata dan mengasah kefasihan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Pendekatan leksikal bukan sahaja merangkumi perkataan tunggal yang secara tradisional dipelajari secara individu, bahkan turut menitikberatkan kombinasi perkataan yang sering digunakan secara bersama oleh penutur jati. Semakin banyak pelajar didedahkan dengan kolokasi, semakin mudah pelajar untuk memahami makna teks bahasa Arab.

Rujukan

- Abdel-Fattah, Hamadah Mohamed. (2007). *Al-Musahabah al-Lughawiyah Wa Asaruha Fi Tahdid al-Dilalah Fi al-Quran*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti al-Azhar, Mesir.
- Abdul Aziz, Mohammed Hassan. (1990). *Al-Musahabah fi al-Taabir al-Lughawiyah*. Al-Kaherah: Dar al-Fikri al-Arabiy.
- Abdul Razif Bin Zaini. (2015). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Peringkat Kolej Universiti*. PhD Thesis. University of Malaya.
- Abdullah al-Hasheemi dan Mahmood Ali. (2012). Istratijiyat Ta'allum al-Mufradat Lada al-Darisi al-Lughah fi Jamiah al-Ulum al-Islamiah biMalizia wa I'tiqadhim al-Muta'alliqah Biha. *al-Majallah al-Urduniah fi al-Ulum al-Tarbawiyah*. Jilid 8.
- Abu al-Rabb, Muhammad Abdullah Soleh. (2017). Al-Mutalazimat al-Lafziyyah. *IUG Journal of Humanities Research*. 25 (1).
- Alā' Ṭal'at Aḥmad, taqḍīm Aḥmad 'Ārif Ḥijāzī. (2015). *al-Muṣāḥabah al-lughawīyah fī al-ḥadīth al-Nabawī al-sharīf : kitāb al-Lu'lu' wa-al-marjān fī-mā ittafaqa 'alayhi al-Shaykhān namūdhajan*. al-Qāhirah : Maktabat al-Ādāb.
- Al-Anati, Walid. (2010). Tahlil al-Khitab Wa Taalim Mufradat al-Arabiah Li Ghair al-Naatiqin Biha. *Majallah Ilmiah Muhakkamah*. Jilid 13. Bil.2.
- Al-Desouk, Ibrahim. (1999). al-Musahabah al-Lughawiyah wa Tatawwur al-Lughah. *Manshur bi Kulliyah Dar al-Ulum lil Kaherah*. Bil. 25.
- Al-Suyuti, Abdul Rahman Jalal al-Din. (n.d). *al-Mazhar fi Ulum al-Lughah. Tahqiq Muhammad Ahmad Jad al-Maula wa Akharin*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Amelia Torres Ramirez. (2012). The lexical approach: collocability, fluency and implications for teaching. *Revista de Lenguas para Fines Específicos*. (18): p. 237-254.
- Antar Solhy Abdellah. (2015). The Effect of a Program Based on the Lexical Approach on Developing English Majors' Use of Collocations. *Journal of Language Teaching and Research*. Volume 6.(4): p. 766-777.
- Ausubel, D. P., J. D. Novak & H. Hanesian. (1978). *Educational Psychology. A Cognitive View*. Second Edition. Holt, Rinehart and Winston, New York.
- Azlan Shaiful Baharum, Ashwaq Mohammad Salleh & Norhidayah M. Noor. (2017). Problems In Translating English-Arabic Collocations Among Students Of Faculty Of Major Languages Studies, Universiti Sains Islam Malaysia. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. Vol.7. No.1.
- Banu Tekingül. (2013). Collocation teaching effect on reading comprehension in advanced EFL setting. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. (70).
- Boers, F. & Lindstromberg, S. (2009). *Optimizing a Lexical Approach to Instructed Second Language Acquisition*. Palgrave Macmillan: New York.
- Brian Tomlinson. (2001). Materials Development in Language Teaching. The Cambridge Guide to Teaching English to Speakers of Other Languages. In Ronald Carter & David Nunan (Eds.) (1997). Cambridge: Cambridge University Press. p. 66-71.
- Bybee, J., & McClelland, J. L. (2005). Alternatives to the combinatorial paradigm of linguistic theory based on domain general principles of human cognition. *The Linguistic Review*, 36, 381–410.
- Channell, J. (1981). Applying semantic theory to vocabulary teaching. *ELT Journal*, 35 (2), pp. 115-122.
- Chatpunnarangsee, K. (2013). *Incorporating corpus technology to facilitate learning of English collocations in a Thai university EFL writing course*. Unpublished PhD thesis, Indiana University Bloomington, United States.
- Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis kesilapan leksikal dalam karangan bahasa Arab*. Ph.D Thesis. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.

- Chen, J. C. (2011). A corpus-assisted approach to teaching translation and interpretation. *Studies of translation and interpretation*. (14): p. 115-134.
- Conzett, J. (2000). Integrating collocation into a reading and writing course. In M. Lewis (Ed.), *Teaching Collocation*. p. 70–87. LTP, England.
- Dongmei Wang & Peter Kelly. (2013). Making Vocabulary Memorization Strategies More Effective and Enjoyable For First Year Chinese University Students. *The English Teacher*. Vol. XLII. No.2.
- Ellis, N. C. (2001) —Memory for language .in P. Robinson (Ed.), *Cognition and Second Language instruction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Farrokh, Parisa. (2012). Raising Awareness of Collocation in ESL/EFL Classrooms. *Journal of Studies in Education*. Vol. 2 (3): p.55-74.
- Ferit Kiliçkaya & Jaroslaw Krajka. (2010). Comparative Usefulness of Online And Traditional Vocabulary Learning. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. Vol. 9 Issue 2.
- Firth, J. R. (1968). A synopsis of linguistic theory, 1930-55. In F.R. Palmer (Ed.), *Selected papers of J.R. Firth 1952-1959*. Bloomington: Indiana University Press.
- Ghazalah, Hassan. (2007). *Kamus Dar al-Ilmi Li al-Mutalazimat al-Lafziyyah*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar lil Malayin.
- Habibah bt Mat Rejab. (2016). *Amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Halil, Mohammed Helmi. (1997). Al-Usus al-Nazariyyat Li Wadi' al-Mu'jam Li al-Mutalazimat al-Lafziyyah. *Majallah al-Majamiyyah*. Tunisia.
- Harun Baharudin. (2014). *Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Tesis PhD, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haslina Hassan. (2011). “Corpus Analysis of Conjunctions: Arabic Learners’ Difficulties with Collocation” In: *Workshop on Arabic Corpus Linguistics (WACL)*. 11th -12th April 2011. Lancaster University. UK.
- Hill, J. (2000). “Revising priorities: From grammatical failure to collocational success”. In M. Lewis (Ed.), *Teaching collocation*. p. 47–70.
- Hill, J. (2000). “Revising priorities: From grammatical failure to collocational success”. In M. Lewis (Ed.), *Teaching collocation*. p. 47–70.
- Hossam El-Din, Kareem Zakiy. (1985). *al-Taabir al-Istilahiy Dirasah fi Ta'sil al-Mustalah wa Mafhumih wa Majalatih al-Dilaliyyah wa Anmatih al-Tarkibiah*. Cetakan Pertama. al-Kaherah: Maktabah al-Anjalo Mesriyyah.
- Hsu, J-Y. (2010). The Effects of Collocation Instruction on the Reading Comprehension and Vocabulary Learning of Taiwanese College English Majors. *Asian EFL Journal*. Vol. 12 (1): p. 47-87.
- Hsu, J-Y., & Hsu, L-C. (2007). Teaching lexical collocations to enhance listening comprehension of English majors in a technological university of Taiwan. *Soochow Journal of Foreign Languages & Cultures*. 24. p.1-32.
- Ibnu Manzur, *Jamaluddin Muhammad bin Mukram*. *Lisan al-Arab*. Tahqiq Amir Haidar. (2013). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Kun-huei Wu. (2015). The Effect of Teaching Collocations on the Students’ Perceptions toward Language Learning. *Studies in English Language Teaching*. Vol. 3, No. 3.
- Lewis, M. (2000). *Teaching collocation: Further developments in the lexical approach*. England: Language Teaching Publication.

- Lien, H.Y. (2003). *The effects of collocation instruction on the reading comprehension of Taiwanese college students*. Unpublished doctoral dissertation, Indiana University of Pennsylvania, Pennsylvania.
- Małgorzata Martynańska. (2004). Do English language learners know collocations?. *Investigationes Linguisticae*. Vol. XI .
- Mark Donnellan. (2015). An Analysis of Collocations in an Authentic Text. *Kwanse Gakuin University Humanities Review*. Vol.19. Nishinomiya, Japan.
- Mark Graham Sample. (2014). An Overview Of The Lexical Approach And Its Implementation At A Public Elementary School In South Korea. *Journal of International Education Research*. Vol.10 (4). p. 271-278.
- Masoud Hashemi, Masoud Azizinezhad & Sohrab Dravishi. (2012). The investigation of collocational errors in university students' writing majoring in English. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 31. p. 555- 558.
- Mccarten, J. (2007). *Teaching Vocabulary: Lessons from the Corpus, Lessons for the Classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mehta, N. K. (2009). Vocabulary Teaching: Effective Methodologies. *The Internet TESL Journal*, XV.
- Moudraia, O. (2001). Lexical approach to second language teaching. *ERIC Clearinghouse on Languages and Linguistics*. Washington DC.
- Mounya, Abdaoui. (2010). *Teaching Lexical Collocations to Raise Proficiency in Foreign Language Writing*. Master Thesis in Applied Linguistics and Language Teaching. University of Mentouri, Constantine.
- Mukhtar Umar, Ahmad. (1998). *'Imu Dilalah*. al-Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Mukhtar Umar, Ahmad. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-Arabiah al-Mua'sarah*. Al-Kaherah: Alim al-Kutub.
- Nabil Mohammed S. Banboua. (2016). Testing Collocational Knowledge of Yemeni EFL University Students at Universiti Utara Malaysia. *Arab World English Journal (AWEJ)*. Vol.7 (1): p.370 – 387.
- Nadja Nesselhauf & Cornelia Tschichold. (2002). Collocations in CALL: An Investigation of Vocabulary-Building Software for EFL. *Computer Assisted Language Learning*. Vol.15 (3): p. 251-279.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *Journal of Language Studies*. Vol. 14 (1). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nation, I.S.P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*. 4th edition, 2003. United Kingdom: University Press, Cambridge.
- Nation, P., & Waring, R. 1997. "Vocabulary size, text coverage and word lists". In N. Schmitt and M. McCarthy (Eds.), *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy* (pp. 6-19). Cambridge: Cambridge University Press.
- Nesselhauf, N. 2005. *Collocations in a learner corpus*. Amsterdam: Benjamins Academic Publishers.
- Nurul Husna binti Abdul Aziz dan Harun bin Baharuddin. (2016). Kolokasi Arab Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016 (Kobar 16)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim Ramly. (2009). "Penguasaan Perbendaharaan Kata bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah Kebangsaan Menerusi Program J-QAF: Satu Kajian Kes". (*Paper*). *Wacana Pendidikan Islam (peringkat Nusantara) siri ke-7*. p. 579-588. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.

- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol.12 (2). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saifuddin Hussin. (2002). *Penguasaan Perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan tiga: Satu kajian kes di sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Schmitt, N. (2000). *Vocabulary in Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Seham, Badri. (2012). *Daur Al-Muqarabat al-Maajamiyyah Fi Iktisab al-Lughah al-Engliziyyah Wa Alaqatuha Bi al-Tarjamah: Tarjamtu Thullab al-Lisaniyyat Li al-Ibarat al-Istilahiyah Namuzajan*. Tesis Master. Universiti al-Jazeera.
- Shouqun Wu. 2010. *Supporting Collocation Learning*. Unpublished PhD Thesis. University of Waikato.
- Siyanova, A & Schmitt, N. (2008). L2 Learner Production and Processing of Collocation: A Multi-study Perspective. *The Canadian Modern Language Review*. Vol. 64 (3): p.429–458.
- Smith, F. (1975). *Comprehension and learning: A conceptual framework for teachers*. New York, NY: Holt, Rinehart, and Winston.
- Taimah, Rusydi Ahmad. (1989). *Al-Kitab al-Jamiyy Mauquihu Wa Muasyaruhu Wa Musykilatuhu*. Al-Kaherah: Mesir.
- Takac, Visnja Pavicic. (2008). *Vocabulary Learning Strategies and Foreign Language Acquisition*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Thornbury, S. (1998). The lexical approach: A journey without maps. *Modern English Teacher*, 7 (4), 7-13.
- Thornbury, Scott. (2002). *How to Teach Vocabulary*. Longman.
- Tun-pei Chan and Hsien-Chin Liou. (2005). Effects of Web-based Concordancing Instruction on EFL Students' Learning of Verb –Noun Collocations. *Computer Assisted Language Learning*. Vol. 18 (3): p. 231 –250.
- Uraidah Abdul Wahab, Mat Taib Pa & Lily Hanefarezan Asbulah. (2021). Penggunaan Strategi Pemetaan Semantik Dalam Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies Volume*. 4 (1) 2021.
- Uraidah Abdul Wahab. (2014). *Penggunaan penyusun grafik dalam penguasaan kolokasi bahasa Arab*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Uraidah Abdul Wahab. (2014). *Penggunaan Penyusun Grafik Dalam Penguasaan Kolokasi Bahasa Arab. Kajian Master*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Webb, S. & Kagimoto, E. (2010). Learning collocations: Do the number of collocates, position of the node word, and synonymy affect learning? *Applied Linguistics*. Vol. 32 (3). p. 259-276.
- Yong Wei. (1999). Teaching Collocations for Productive Vocabulary Development. *Paper presented at the Annual Meeting of the Teachers of English to Speakers of Other Languages*. New York.
- Yusra Al Sughair. (2007). *The Translation of Lexical Collocations in Literary Texts*. Master Thesis. College of Arts and Sciences, University of Sharjah. UA.
- Zainur Rijal B. Abdul Razak & Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. Vol.18 (1).